



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

Komik-M SS10 #12: Belum Tamat

Komik-M menerbitkan sebuah komik baru sambungan kepada komik Super Safee yang terdahulu, iaitu SS10 #12: Belum Tamat. Sekiranya pembaca mengikuti kisah mereka sebelum ini dalam siri Komik-M: SS10 #11: Pasukan Belasahan, telah diadakan perlawanan bola sepak antara Safee dan rakan-rakan dengan pemain senior. Dalam siri komik terbaru ini menceritakan detik-detik sepanjang berlangsungnya pertandingan bola sepak.

Keunikan yang ditampilkan kali ini adalah kaver hadapan komik SS10 #12. Ini adalah kaver gabungan dengan Komik SS10 #11. Sepertimana kesinambungan kisah dari SS10 #11 dan SS10 #12. Untuk pengetahuan, Komik SS10 yang diterbitkan oleh Komik-M bermula dari siri SS10 #1 sehingga SS10 #12. Dengan menampilkan ikon bola sepak tempatan yang berbakat menjadikan komik ini sering menjadi komik pilihan di kedai-kedai buku dan sekolah.

Kepada pembaca yang belum mengikuti siri Komik-M SS10, cepat-cepat kumpulkan kesemua siri. Ia sebuah komik yang bukan sahaja mengenai arena bola sepak, malah, turut memaparkan nilai-nilai murni yang boleh diambil iktibar. Jalinan ikatan persahabatan dikuatkan dengan kerjasama dan disimpulkan dengan rasa sayang antara sahabat, ahli keluarga, guru, dan masyarakat.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my